

**Kelab Putera 1Malaysia Telah Serah Laporan Kematian Noramfaizul Kepada Perdana Menteri - Azeez Bernama
4 September 2011**

KUALA LUMPUR, 4 Sept (Bernama) -- Presiden Kelab Putera 1Malaysia Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata beliau telah menyerahkan laporan mengenai kematian jurukamera BernamaTV Noramfaizul Mohd Nor kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan bila laporan itu disampaikan kepada Najib..

"Jadi, adalah lebih baik Perdana Menteri yang mengumumkan laporan penuh berkaitan tragedi tersebut," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis tahlil dan bacaan Yaasin untuk Allahyarham di Masjid Al-Islah, Serdang dekat sini malam ini.

Kira-kira 200 orang termasuk Ketua Pegawai Eksekutif BernamaTV Synergy Sdn Bhd Engku Emran Engku Zainal hadir pada majlis itu.

Noramfaizul, 39, terkorban di Somalia pada Jumaat lepas setelah terkena tembakan curi ketika dalam perjalanan pulang ke tempat penginapan dengan menaiki pacuan empat roda dari memberikan bantuan kepada mangsa kemarau dan kebuluran oleh Misi Bantuan Kemanusiaan Kelab Putra 1Malaysia.

Abdul Azeez berkata pihaknya akan menguruskan tuntutan insurans yang diambil oleh Kelab Putera 1Malaysia bagi melindungi anggota misi itu berikutan kematian Noramfaizul yang akan disampaikan kepada ibu bapa Allahyarham.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=611478>